

12 SEP 1998

Awang-Meninggal

BEKAS YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Bekas yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Awang Hassan, 87, meninggal dunia di kediamannya di Johor Baharu hari ini.

Dr Awang, 87, meninggal dunia pada pukul 4.55 petang, turut berada di sisi semasa beliau menghembuskan nafas terakhir ialah isteri dan kesemua anak-anaknya.

Allahyarham meninggalkan isteri Toh Puan Dr Zubaidah Datuk Abdul Rahman dan tujuh anak, seorang daripadanya ialah Datuk Dr Hussein, pengarah Hospital Tawakal di sini dan Datuk Dr Yahya, Ketua bahagian Kardiothorasik Institut Jantung Negara (IJN), yang telah melakukan pembedahan pemindahan jantung yang pertama di negara ini Disember tahun lepas.

Dr Yahya ialah pakar bedah yang melakukan pembedahan pintasan jantung terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1987.

Allahyarham juga meninggalkan 20 orang cucu dan 5 cicit.

Menurut Dr Hussein, Allahyarham akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Mahmudiah Johor Bahru pada pukul 11 pagi esok.

Allahyarham dilahirkan di Muar pada 9 Nov 1910, beliau memegang jawatan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dari 1 Mei 1981 hingga Mei 1989.

Sebelum dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri, beliau memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia selama tujuh tahun bermula tahun 1973, beliau juga ditauliahkan sebagai Perusuhjaya Tinggi ke Fiji dalam tahun 1974.

Beliau dilantik sebagai wakil Malaysia ke jawatankuasa kedua sesi ke-29 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam bulan Oktober 1974.

Allahyarham mendapat pendidikan awal di Muar dan Johor Baharu sebelum belajar di Kolej Perubatan King Edward Ke-VII di Singapura dan tamat pengajian dalam tahun 1934.

Allahyarham melanjutkan pelajaran ke England dan Ireland dan selepas kepulangannya, beliau berkhidmat dengan Perkhidmatan Perubatan Negeri Johor. Dr Awang menyertai Perkhidmatan Perubatan Singapura dalam tahun 1950.

Pada 23 Dis 1963, beliau dipilih sebagai anggota Parlimen Muar Selatan dan berkhidmat selama tiga penggal.

Beliau menjadi anggota Jawatankuasa Parlimen Kesemua Parti berkaitan filem kontroversi dan telah mewakili Malaysia pada beberapa mesyuarat antarabangsa, termasuk Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Ottawa, Kanada dalam tahun 1996.

Beliau juga menjadi ketua gantian delegasi Malaysia ke Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Port of Spain, Trinidad dalam tahun 1969.

Beliau menyandang Timbalan Speaker Dewan Rakyat dari tahun 1972 hingga Februari 1973.

-- BERNAMA

AFY RI